

MINIT MESYUARAT
JAWATANKUASA KECIL PANGKALAN DATA KOMERSIL
BIL. 2/2005

Tarikh : 20 Mei 2005
Masa : 9.00 pagi
Tempat : Bilik Mesyuarat Perpustakaan UKM, Bangi

Yang Hadir

Putri Saniah Megat Abd. Rahman (<i>Pengerusi</i>)	(kpustaka@pkrisc.cc.ukm.my)
Aishah Mohd Nasir : KUSTEM	(amn@kustem.edu.my)
Akiza Roswati Abdullah : KUKTEM	(akiza@kuktem.edu.my)
Faridah Hj. Md. Amin : KUTKM	(faridah@kutkm.edu.my)
Hani Liza Norfin : UiTM (<i>Wakil</i>)	(masnah619@salam.uitm.edu.my)
Hasdarinar Abdul Jalal : KUKUM (<i>wakil</i>)	(lbfan@kukum.edu.my)
Haslinda Hj. Kassim : PNM	(bru@pnm.my)
Hawa Abdul Majid : UPM	(ham@lib.upm.edu.my)
Katrun Nada Hashim : MINT (<i>wakil</i>)	(noran@mint.gov.my)
Khadijah Ibrahim : MARDI	(khadijah@mardi.my)
Lela Ruzma Mohd Shaari : UKM	(lela@pkrisc.cc.ukm.my)
Md. Yazid Muji : UNITEN	(yazidm@uniten.edu.my)
Mohamad Zaki Mohd. Isa : FRIM	(zaki@frim.gov.my)
Molly Chuah : UM	(a4molly@yahoo.com)
Noraini Ismail : UIAM	
Noraini Mukhtar : UIAM	(mnoraini@iiu.edu.my)
Nor Asiah Mohamad : UKM	(nor@pkrisc.cc.ukm.my)
Rapeeah Ahmad : USM	(RA@notes.usm.my)
Saniah Hj. Armia : IKIM	(saniah@ikim.gov.my)
Shukra Shuib : UUM	(shukra@uum.edu.my)
Sudirman Omar : OUM (<i>wakil</i>)	(sharipah@unitem.edu.my)
Tusiman Mingun : UKM	(tusiman@pkrisc.cc.ukm.my)
Hafsah Mohd : UKM (<i>Setiausaha</i>)	(hafсахm@pkrisc.cc.ukm.my)

Tidak Hadir Dengan Kenyataan

Anuar Talib	(anuar@mel.psz.utm.my)
Che Salmah Mehamood : UMS	(csmehamod@ums.edu.my)
Jasmin Jaimon : KUIM	(jasmin@admin.kuim.edu.my)
Korina Ibrahim : UNIMAS	(rin@cais.unimas.my)
Maimunah Kadir : HUKM	(mai@mail.hukm.ukm.my)
Mohammed Ariff Ahmad : MPOB	(ariff@mpob.gov.my)
Mohd. Nazari Abdul Hamid : UPSI	(nazari@upsi.edu.my)
Nordiah Hj. Musa : KUITTHO	(nordiah@kuittho.edu.my)
Rabiatul Ahya Mohd. Shariff : UTP	(rabiatulahya_msharif@petronas.com.my)
Roslin Muhiddin : NPC	(roslin@npc.org.my)
Salbiah Ma'arof : KP	(Salmaarof2001@yahoo.com)
Siti Khabshah Masrom : MMU	(khabshah@mmu.edu.my)

1.0 PENDAHULUAN

- 1.1 Pengerusi mengucapkan salam kepada semua yang hadir dan memulakan mesyuarat dengan bacaan Surah Al-Fatihah.
- 1.2 Agenda utama mesyuarat ialah untuk membincangkan:
 - Senarai Induk Jurnal
 - Isu langganan PDK ScienceDirect
 - Hal-hal berbangkit

2.0 MENGESAHKAN MINIT MESYUARAT BIL. 1 /2005

Minit Mesyuarat Bil. 1/2005 disahkan tanpa sebarang pindaan.

3.0 SENARAI INDUK JURNAL

- 3.1 Wakil KUKTEM memaklumkan bahawa projek senarai induk jurnal masih dalam peringkat percubaan dan sehingga kini hampir 80% siap. Ahli mesyuarat boleh melihat projek tersebut di laman web Perpustakaan KUKTEM.
- 3.2 Wakil KUKTEM telah datang ke UKM untuk melihat rekod serta mengambil beberapa sampel. Mesyuarat dimaklumkan terdapat masalah untuk memasukkan sampel tersebut ke dalam *template* yang disediakan oleh kerana sistem tidak mengenali format MARC
- 3.3 Mesyuarat bersetuju untuk mengadakan bengkel bagi membincangkan masalah yang dihadapi. Rekod percubaan perlu dimasukkan. Tarikh bengkel akan ditentukan kemudian oleh wakil KUKTEM. Cadangan tarikh ialah selepas 8 Jun 2005.

Tindakan: Wakil KUKTEM

4.0 STATISTIK PENGGUNAAN PDK

4.1 ScienceDirect (SD)

- a. Pengerusi memaklumkan kepada mesyuarat isu-isu yang dikemukakan oleh pihak SD:
 - i. Institusi yang belum menjelaskan bayaran untuk langganan 2004
 - ii. Institusi yang belum memperbaharui langganan
 - iii. Pembatalan langganan beberapa judul jurnal
 - iv. *Content fees* (9%) mungkin akan dinaikkan
- b. Pihak SD akan mengadakan sesi perbincangan dengan semua wakil institusi yang melanggan SD dalam masa yang terdekat.

- c. Isu-isu yang perlu diberi perhatian berkaitan dengan lesen perjanjian SD:
- i. *Moving Wall Concept* - institusi yang melanggan SD hanya boleh mengakses fail-fail kebelakangan (*backfiles*) dalam jangkauan 4 tahun sahaja. Mesyuarat sependapat bahawa konsep ini tidak boleh digunakan untuk *core collection* oleh kerana kos koleksi ini telah dibayar setiap tahun. Semakan akan dibuat dengan UTM yang telah melanggan lebih dari 4 tahun.

Tindakan: Sekretariat JK PDK

- ii. *Content fee* - tujuan mengapa caj ini perlu dibayar tidak jelas
-

- d. Mesyuarat bersetuju untuk mengadakan *Union List of Core Titles* untuk mengelakkan pertindihan judul yang dilanggan. Perkongsian sumber maklumat perlu dipertingkatkan. Semua wakil perlu memaklumkan senarai judul jurnal SD yang dilanggan kepada Sekretariat JK PDK

Tindakan: Semua yang melanggan SD

- e. Mesyuarat dimaklumkan terdapat kes statistik penggunaan yang tidak selari dengan judul-judul jurnal yang dilanggan. Mesyuarat bersetuju untuk mengusulkan kepada pihak SD supaya setiap institusi boleh mengakses sendiri statistik penggunaan dari sistem.
- f. Mesyuarat dimaklumkan USM telah membatalkan langganan jurnal bercetak dalam bidang perubatan. Jurnal hanya boleh diakses dalam bentuk elektronik.

4.2 e-Metrics

Wakil UNITEN telah menghubungi Mrs. Martha Kyrrillidou yang terlibat secara aktif dalam projek e-Metrics. Mesyuarat dimaklumkan bahawa:

- a. e-Metrics adalah satu perisian yang dibina oleh Association of Research Libraries (ARL) dan di laman web www.arl.org/stats/newmeas/emetrics ada maklumat aktiviti, projek, contoh dan sebagainya. Perisian ini bukan sahaja sebagai satu produk tetapi ia digunakan sebagai kaedah untuk menyiasat dan mengenal pasti pelbagai cabang bidang penyelidikan
- b. Perisian ini menggunakan aplikasi MS Excel untuk mengurus dan memaparkan data. Berdasarkan contoh dari University of Texas, ia menggunakan *indicators* seperti *sessions*, *searches*, dan *items viewed* bagi mencatat statistik penggunaan pangkalan data yang sedia ada.
- c. Link <http://gateway.ilearning.com/nacubo/> disediakan untuk ARL e-Metrics Webcast Training yang merupakan modul latihan melalui internet

- d. Pihak ARL menerbitkan laporan yang boleh dibeli dari Funded Research Activity. Pembelian boleh dilakukan melalui <http://www.arl.org/stats/announce/emetricspr.html>
- e. Mesyuarat bersetuju untuk mengadakan bengkel e-Metrics dan menjemput Mrs. Martha sebagai fasilitator.

Tindakan: Sekretariat JK PDK

5.0 HAL-HAL LAIN

5.1 Konsortium – COMLIB

Kertas Cadangan Penubuhan Konsortium Perpustakaan-Perpustakaan Di Malaysia telah dibincangkan dengan lebih lanjut oleh semua Ketua Pustakawan pada 26 April 2005. Kertas Cadangan akan di bawa ke Mesyuarat Naib Canselor yang akan datang.

- 5.2 Pengerusi memaklumkan bahawa beliau telah berbincang dengan beberapa orang Ketua Pustakawan lain berkaitan isu Enche Marketing sebagai agen tunggal PDK. Surat Ketua Setiausaha (KSU) Kementerian Pengajian Tinggi yang memohon pandangan dari Pengerusi berkaitan isu tersebut telah dijawab. Pengerusi telah membacakan beberapa hal penting di dalam surat jawapan tersebut. Beliau juga menyentuh tentang kepentingan mematuhi prosedur ISO terutama dalam aspek prosedur langganan dan penilaian pembekal.
- 5.3 Pengerusi mengusulkan supaya perkongsian sumber maklumat perlu dimantapkan dan mencadangkan Pustakawan di Bahagian Perkhidmatan Maklumat di setiap institusi mengadakan *retreat* untuk membincangkan hal tersebut dengan lebih serius. Beliau juga mencadangkan penggunaan kad yang digunapakai oleh semua institusi bagi tujuan perkongsian sumber maklumat. Sistem kad telah dipraktikkan oleh CAVAL.
- 5.4 Pengerusi mencadangkan supaya pembaharuan langganan PDK perlu disahkan oleh fakulti. Statistik penggunaan juga perlu diambil kira. Sekiranya statistik penggunaan rendah, PDK tersebut boleh dibatalkan langganannya.
- 5.5 Mesyuarat telah membincangkan perbezaan di antara PDK Ebscohost A to Z dan Serials Solutions. Didapati Serials Solutions lebih komprehensif dari Ebscohost A to Z yang memerlukan Link Solver untuk mengakses artikel.
- 5.6 Wakil Emerald telah memberikan penerangan berkaitan dengan surat perjanjian langganan Emerald untuk tahun 2006-2008. Mesyuarat mengusulkan supaya kos langganan tidak dinaikkan dalam masa 3 tahun tersebut.

- 5.7 Wakil dari ISI Emerging Markets telah menerangkan secara ringkas PDK IFIS (Islamic Finance Information Service) dan mesyuarat memohon untuk mendapatkan tempoh percubaan semasa sesi baru bermula.

Mesyuarat ditangguhkan pada jam 11.15 pagi dengan ucapan terima kasih daripada Pengerusi.

*Perpustakaan Tun Seri Lanang
UKM Bangi
13 Jun 2005*

PS/HM/fmn